



**JABATAN PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

KENYATAAN

**KEMPEN TAWARAN PENGURANGAN KOMPAUN LETAK KERETA
SEMPENA HARI KRISMAS**

Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan mengadakan Kempen Tawaran Pengurangan Kompaun Letak Kereta sempena Hari Krismas bermula **1 Disember 2023** sehingga **31 Disember 2023** (31 hari). Tawaran ini melibatkan Kompaun Letak Kereta dengan kadar serendah **RM15 sehingga RM300** bagi **kompaun** melibatkan **pelbagai kesalahan trafik**.

Orang ramai disarankan untuk menjelaskan tunggakan kompaun dengan **kadar serendah RM15** sebelum tindakan yang lebih tegas diambil termasuk tindakan pendakwaan di mahkamah.

Kompaun di bawah kesalahan **Perenggan 51** (Kesalahan-kesalahan meletak kereta di petak khas), **Perenggan 36 (2) (e)** (Kesalahan meletak di petak O.K.U) dan **Perenggan 36 (1) (a)** (Kesalahan menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta) adalah **TIDAK TERMASUK** di dalam **kempen ini**.

Majlis telah menyediakan modul pembayaran secara *online* seperti JomPay (Biller code:84277) dan juga mesin i-Kiosk dilokasi berikut:

1. Ibu Pejabat MPK Bangunan Sultan Alam Shah;
2. Pejabat Cawangan Kompleks Pasar Besar, Jalan Meru;
3. Pejabat Cawangan Jalan Tengku Kelana;
4. Pejabat Cawangan Jalan Raya Barat;
5. Ruang Legar Pasaraya GM Klang

Semakan dan pembayaran kompaun juga boleh dibuat melalui laman sesawang Majlis iaitu **ipay.mpklang.gov.my/home/kompaun** dan aplikasi **Smart Parking MPKlang** serta perkhidmatan dalam talian KPKT iaitu **pbtpay.kpkt.gov.my/home/semak**.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Letak Kereta, Jabatan Penguatkuasa di talian 03-3375 8037/8038 atau hadir ke Pejabat Cawangan Jalan Tengku Kelana, Aras 3 untuk maklumat lanjut.